



### PERMOHONAN MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Universiti Utara Malaysia.

<b>BIL</b>	<b>JAWATAN</b>
1.	<b>PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR GRED J14</b>
2.	<b>PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N5</b>
3.	<b>PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H1</b>
4.	<b>PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1</b>
5.	<b>PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N1 (KAMPUS KUALA LUMPUR)</b>
6.	<b>PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N1</b>
7.	<b>PEMBANTU TADBIR (PEPERIKSAAN) GRED N1</b>

1. (a) Jawatan : **PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR GRED J14**
- (b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan (J)

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	Imbuan Tetap Keraian (RM)	Imbuan Tetap Perumahan (RM)	Bayaran Imbuan Sara Hidup (RM)
J14	6,560.00	15,360.00	320.00	800.00	900.00	250.00

**Syarat Lantikan :**

- i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred J14: RM6,560.00); atau**
- ii) Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan berdaftar sebagai Juruukur Bahan Siswazah dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred J14: RM6,560.00); atau**
- iii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina/Ijazah Sarjana dalam bidang Seni Bina dengan pengiktirafan Bahagian II oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan berdaftar sebagai Arkitek Graduan dengan Lembaga Arkitek Malaysia.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred J14: RM6,560.00); atau**
- iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred J14: RM6,560.00); dan**
- v) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Syarat tambahan:**

- a) Mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman dan kelayakan profesional dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) / Lembaga Arkitek Malaysia (BAM) / Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (BQSM) / Institut Arkitek Lanskap Malaysia (ILAM);
- b) Seorang pemimpin yang mempunyai daya pemikiran dan kepimpinan yang tinggi berteraskan pemikiran strategik dan analitikal, serta berpengetahuan luas tentang bidang kejuruteraan khususnya dalam aspek urus tadbir, perancangan dan pengurusan organisasi / projek yang berimpak besar.
- c) Seorang pemimpin yang bermotivasi yang boleh meletakkan hala tuju strategik dan operasi yang jelas, dengan memberi pertimbangan kepada perkara yang penting, berfokus dan berdisiplin dan pemikiran yang

berorientasikan *outcome*;

- d) Mempunyai integriti, etika kerja dan sifat kepimpinan yang tinggi, berorientasikan sikap kerja berkumpulan dengan keupayaan untuk membentuk kerjasama dan memimpin kumpulan ke arah kecemerlangan Universiti;
- e) Rekod prestasi yang terbukti dalam menyelesaikan masalah yang kompleks secara kreatif dan inovatif, dengan membangunkan strategi bersesuaian untuk mencapai sasaran yang diletakkan oleh organisasi;
- f) Memiliki rangkaian kerjasama yang luas dengan semua pihak berkepentingan di dalam bidang yang dipohon, serta menguasai kemahiran interpersonal dan perundingan yang baik dengan keupayaan untuk membangun dan mengekalkan kerjasama dengan semua pemegang taruh; dan
- g) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan semua pemegang taruh serta berkeupayaan menulis dan bertutur dengan baik di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Taraf Jawatan : **Tetap/Kontrak/Pelantikan Secara Peminjaman**

Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan:

Pegawai adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan melaksanakan skop tugas sebagai Pengarah Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur seperti berikut:

- a) Bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran, perkhidmatan dan sumber manusia Jabatan merangkumi pentadbiran am, kewangan, latihan serta kursus, aset serta inventori.
- b) Bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan, rekreasi dan pelancongan Universiti Utara Malaysia (UUM), termasuk pengurusan kontrak projek-projek di bawah Rancangan Malaysia.
- c) Bertanggungjawab dalam merancang dan merangka kerja-kerja penyenggaraan untuk semua bangunan akademik, pentadbiran, dewan penginapan pelajar, perumahan kakitangan, semua kemudahan dan harta Universiti.
- d) Bertanggungjawab dalam urusan penyediaan dokumen kontrak, panggilan sebut harga dan tender bagi kerja ubah suai dan kerja baharu.
- e) Bertanggungjawab dalam memberi khidmat perundingan kepada Pusat Tanggungjawab UUM dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan pengubahsuaian pejabat, bilik, rumah Universiti dan sebagainya.
- f) Bertanggungjawab menyediakan kemudahan fizikal serta perkhidmatan teknikal dan am untuk pelaksanaan majlis rasmi Universiti dan menampung perkembangan program akademik serta aduan kecemasan bagi kerja-kerja melibatkan berkaitan dengan Jabatan.

- g) Bertindak sebagai Pegawai Penguasa kepada Pegawai Pengawal iaitu Naib Canselor untuk pelaksanaan sesuatu projek.
- h) Bertanggungjawab dalam merancang, merangka, mengurus, dan memantau kerja-kerja pembangunan, operasi dan penyenggaraan hal-hal berkaitan pertanian, perhutanan dan lanskap Universiti.
- i) Bertanggungjawab menghadiri mesyuarat/perbincangan teknikal dengan pihak berkaitan untuk proses mendapatkan kelulusan pelaksanaan sesuatu projek pembangunan.
- j) Bertanggungjawab menyelaras projek pembangunan oleh JKR dalam Universiti serta memastikan proses pembangunan mengikut prosedur termasuk menghadiri, merancang dan merangka kerja-kerja penyiasatan tapak dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
- k) Bertanggungjawab dalam aspek penyewaan harta benda Universiti sebagai inisiatif penajaan kewangan Universiti.
- l) Bertanggungjawab merancang dan merangka keperluan bekalan elektrik dan air yang mencukupi untuk keseluruhan Kampus dan memastikan kemudahan dan kelengkapan mematuhi segala kehendak undang-undang berkanun (statutory requirement) yang ditetapkan (diwartakan) oleh badan kerajaan (Akta 447 Bekalan Elektrik, Akta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Bomba Suruhanjaya Tenaga dan sebagainya).
- m) Bertanggungjawab dalam merancang keperluan infrastruktur dan pembangunan fizikal bagi memastikan kelestarian alam sekitar serta merangka kerja-kerja perkhidmatan pembersihan dalam/luar bangunan dan penyenggaraan berjadual di kampus UUM.
- n) Bertanggungjawab melaksanakan arahan dan projek yang diarahkan oleh Pengurusan Universiti dari semasa ke semasa.

### **Penempatan**

Calon yang dilantik akan ditempatkan di kampus UUM Sintok.

### **Cara Memohon**

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan perlulah mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen berikut;

- a) *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini beserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut;
  - i. Latar belakang diri dan keluarga termasuk alamat surat menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi;
  - ii. Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya termasuk jawatan pentadbiran yang telah dan sedang disandang. Semua salinan sijil akademik dan yang berkaitan perlulah dikemukakan bersama permohonan ini.
  - iii. Dua (2) nama penyokong sebagai rujukan (referee).

- b) Kertas cadangan dan *Key Performance Indicator* (KPI) serta ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan.

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut;

Pendaftar  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Darul Aman

2. (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N5**  
 (b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia  
 (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
 (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	Imbuan Tetap Khidmat Awam (RM)	Imbuan Tetap Perumahan (RM)	Bayaran Imbuan Sara Hidup (RM)
N5	1,650.00	6,620.00	145.00	160.00	300.00	300.00

**Syarat Lantikan :**

- i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau**
- ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau**
- iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau**
- iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00) dan**
- v) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan : **Tetap**

Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan konsuler dan penguatkuasaan undang-undang.

3. (a) Jawatan : **PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H1**  
 (b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia  
 (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
 (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran (H)

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (RM)	Imbuhan Tetap Perumahan (RM)	Bayaran Imbuhan Sara Hidup (RM)
H1	1,500.00	4,680.00	100.00	115.00	300.00	300.00

**Syarat Lantikan :**

- i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau**
- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau**
- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau**
- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); atau**
- v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan**
- vi) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**\*Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Sijil Vokasional Malaysia/Sijil Kemahiran Malaysia dalam bidang awam/elektronik.**

Taraf Jawatan : **Tetap**

Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Kemahiran adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan kerajaan iaitu memasang, membaik pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/

jentera/peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.



4. (a) Jawatan : **PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1**  
 (b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia  
 (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
 (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran (H)

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (RM)	Imbuhan Tetap Perumahan (RM)	Bayaran Imbuhan Sara Hidup (RM)
H1	1,500.00	4,680.00	100.00	115.00	300.00	300.00

**Syarat Lantikan :**

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau**
- ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau**
- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau**
- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan**
- v) **Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas tugas pengendalian dandang;** Calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; **dan**
- vi) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan : **Tetap**

Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Khidmat AM adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab ke atas pengendalian loji/jentera statik jabatan sama ada dandang stim atau enjin pembakaran dalam, penyenggaraan berjadual/berkala ke atas dandang, prosedur keselamatan dandang serta pengurusan sistem sokongan yang

bersangkutan dengan dandang seperti mana diperuntukkan dalam peraturan yang berkuat kuasa di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta Akta Kilang dan Jentera 1967.

5. (a) Jawatan : **PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N1 (KAMPUS KUALA LUMPUR)**
- (b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan sokongan (N)

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (RM)	Imbuhan Tetap Perumahan (RM)	Bayaran Imbuhan Sara Hidup (RM)
N1	1,500.00	4,680.00	100.00	115.00	300.00	300.00

**Syarat Lantikan :**

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau**
- ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau**
- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau**
- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00); dan**
- v) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan : **Tetap**

Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di pejabat pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail. Di samping itu, memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.

6. (a) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N1**
- (b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan sokongan (N)

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	Imbuan Tetap Khidmat Awam (RM)	Imbuan Tetap Perumahan (RM)	Bayaran Imbuan Sara Hidup (RM)
N1	1,500.00	4,680.00	100.00	115.00	300.00	300.00

**Syarat Lantikan :**

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau**
- ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau**
- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau**
- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00); dan**
- v) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan : **Tetap**

Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

7. (a) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (PEPERIKSAAN) GRED N1**  
(b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan SPM  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)

Jadual Gaji : **RM54.00 sehari**

**Syarat Lantikan :**

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **DAN**
- ii) Keujian Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan : **Sambilan**

Fungsi Bidang Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

**Khas**

Membantu Ketua Pengawas dan Pengawas dalam pengendalian peperiksaan dan bertanggungjawab secara terus kepada Ketua Pengawas dan Pengawas dalam urusan pengendalian peperiksaan.

**CARA MEMOHON**

- i) Permohonan jawatan no. 2 hingga no. 6 hendaklah dibuat melalui sistem dalam talian (online) yang boleh dicapai melalui pautan laman sesawang <https://perjawatan.uum.edu.my>
- ii) Pemohon perlu mendaftar (bagi pengguna baharu sahaja) sebelum mengisi maklumat yang diperlukan dalam sistem ini.

Tarikh tutup permohonan : **16 Disember 2024 (Isnin)**

**CATATAN TAMBAHAN**

- a. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu duga.
- b. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
- c. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Universiti Utara Malaysia.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Jabatan Sumber Manusia,  
Universiti Utara Malaysia,  
06010 UUM Sintok,  
Kedah Darul Aman

Tel : 04-928 3114/3113  
Faks : 04-928 3120